



Mesyuarat Agung Tahunan PPUMS Bil.5/2011

29 JULAI 2011 - Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-5, bertempat di Galeri, Bangunan Canselori Universiti Malaysia Sabah (UMS). Majlis yang bermula pada jam 2.00 petang tersebut telah dimulakan dengan pendaftaran ahli dan penghantaran borang kemasukan ahli baru. Agenda utama pada mesyuarat tersebut ialah pembentangan Laporan Tahunan oleh setiausaha PPUMS Sesi 2009/2011, pembentangan Laporan Kewangan bagi tahun 2007 hingga 2010 oleh Bendahari persatuan, pembubaran Jawatankuasa Eksekutif Sesi 2009/2011 dan seterusnya pemilihan Jawatankuasa Eksekutif Sesi 2011/2013.

Pembentangan Laporan Tahunan telah dikendalikan oleh Cik Norti Sirin selaku setiausaha PPUMS. Tujuan pembentangan adalah bagi memaklumkan perkembangan perjalanan PPUMS sepanjang tahun 2009/2011. Dalam pembentangan tersebut, dinyatakan bahawa sebanyak 25 aktiviti yang telah dirancang dan 15 aktiviti telah berjaya dilaksanakan. Setiausaha juga membentangkan pertambahan jumlah ahli yang meningkat seramai 15 orang daripada 130 ahli kepada 145 ahli setakat 20 Julai 2011.

Selain pembentangan Laporan Tahunan PPUMS, mesyuarat terlebih dahulu dipengerusikan oleh Pn. Zalifah Shadan dengan pembentangan minit dan laporan aktiviti tahunan. Mesyuarat kemudian diambil ahli oleh Bendahari PPUMS, En Sabarudin Ramli untuk pembentangan Laporan Kewangan 2007-2010.

Setelah pembentangan Laporan Kewangan, agenda berikutnya ialah pembubaran Jawatankuasa Eksekutif Sesi 2009/2011 dan pemilihan jawatankuasa baru bagi menerajui PPUMS sepanjang 2011/2013. En No'man Datuk Hj Ahmad sekali lagi diberi kepercayaan untuk memimpin PPUMS atas komitmen dan ketokohan beliau sepanjang sesi yang lalu.

Beberapa syor dan cadangan telah dikemukakan setelah Jawatankuasa Eksekutif baru dibentuk. Antara cadangan yang diterima oleh ahli ialah penubuhan tabung kebajikan PPUMS, meminda Perlembagaan PPUMS, Fasal 9 dan memansuhkan yuran kemasukan ahli. Mesyuarat telah diakhiri dengan ucapan penangguhan oleh Presiden PPUMS setelah pembentangan perlantikan jawatankuasa baru selesai. Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua ahli yang hadir memberikan sokongan dan melancarkan perjalanan mesyuarat tersebut.

Statistik Jumlah Keahlian PPUMS Tahun 2009 ~2011

| TAHUN | JUMLAH AHLI (ORANG) |
|-------|------------------------|
| 2009 | 127 |
| 2010 | 148 |
| 2011 | 161 |

